



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

IYSJL (2023)

Analisis Pantun Adat berdasarkan Teori Relevans

Nur Azzlin Ismail¹, Aminnudin Saimon^{1*}

¹Kulliyyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**E-mel: azzlin.ismail2168@gmail.com.my*

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian pantun adat menggunakan teori Relevans daripada Sperber dan Wilsons (1986). Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis pantun adat berdasarkan teori Relevans oleh Sperber dan Wilsons (1986). Bentuk kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks. Hasil kajian mendapati bahawa setiap kategori pantun adat, iaitu pantun adat perkahwinan, adat ziarah-menziarahi dan adat kehidupan telah menunjukkan bahawa terdapat tiga gagasan utama bagi teori Relevans. Misalnya ialah konteks, kesan konteks dan kos proses yang dapat dilihat melalui rangkap pembayang dan juga rangkap makna. Kemudian, kajian ini juga menunjukkan pantun adat ini dapat difahami dengan mudah atau sebaliknya setelah menggunakan teori Relevans. Justeru, pengkaji berharap kajian ini dapat membantu serta menjawab persoalan berkaitan makna bagi setiap pantun adat orang Melayu.

Kata kunci: Pantun adat, kategori, teori Relevans, rangkap, masyarakat

PENGENALAN

Bahasa dianggap sebagai alat kebudayaan yang menyampaikan karya sastra supaya tidak pupus digunakan oleh masyarakat terutamanya pantun. Pantun merupakan salah satu seni kesusasteraan yang terawal digunakan oleh masyarakat. Menurut Widi Wahyuning Tyas (2020), pantun ini sudah wujud selama 500 tahun dan diturunkan secara lisan dari generasi ke generasi. Namun begitu, pada zaman moden, pantun ini telah dihasilkan dalam bentuk tulisan bagi memudahkan generasi baru mempelajarinya. Menurut beliau lagi, pantun ini merupakan khazanah bagi masyarakat Melayu yang meliputi negara seperti Malaysia, Pulau Sumatera, Riau dan Padang. Antara jenis pantun yang dicipta ialah pantun anak-anak, pantun adat, pantun kasih sayang dan lain-lain.

Seterusnya, menurut Masriyah Misni (2022) pantun ini dianggap sebagai puisi rakyat yang mempunyai irama dan dipecahkan kepada dua, iaitu rangkap yang mempunyai pembayang dan juga makna. Setiap rangkap pantun ini tidak boleh berdiri dengan sendiri tanpa mempunyai rangkap yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap rangkap perlu lengkap dan menjadi sokongan antara rangkap untuk menghasilkan pantun yang sempurna. Masriyah Misni (2022) juga menerangkan bahawa pantun ini merupakan karya sastra hak milik orang Melayu. Menurut Norazimah et al (2017), penciptaan pantun ini bukan sahaja dilihat daripada pemilihan kata dan perkataan berirama sahaja, malah ada juga berdasarkan akal budi masyarakat Melayu. Norazimah et al (2017) juga berpandangan bahawa akal budi ini adalah melambangkan perbuatan, pemikiran serta sikap seseorang yang merangkumi kepandaian, kehalusan jiwa dan keindahan.

Menurut Iqbal Hidayat Hamizul (2021), masyarakat Melayu perlu mengetahui bahawa penghasilan pantun ini merupakan karya sastra yang wujud daripada pemikiran orang Melayu. Pantun ini juga dianggap sebagai tempat masyarakat Melayu meluahkan perasaan dengan mempunyai makna yang tersirat dan tersurat. Iqbal Hidayat Hamizul (2021) turut menjelaskan bahawa keindahan pantun dari segi penyampaian makna telah diakui oleh pengkaji Barat dan Eropah. Dari sudut pandangan negara Perancis, pantun dikenali sebagai *Pantoum* (Ilham Budiman, 2022). Penggunaan *pantoum* di Perancis dan Eropah juga telah menghasilkan genrenya yang tersendiri dan dikaji serta diguna pakai oleh Victor Hugo dan Austin Dobson (Iqbal Hidayat Hamizul, 2021). Akan tetapi, Ilham Budiman (2022), juga menyebut bahawa pantun ini juga telah tersebar luas di negara Rusia. Selain itu, penggunaan pantun ini juga dapat diuraikan dengan menggunakan teori Barat, iaitu teori Relevans yang diasaskan oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson (1986). Teori Relevans ini mempunyai tiga gagasan utama yang akan menjadi panduan terhadap pengkaji untuk mengkaji

makna bagi pantun adat yang digunakan oleh masyarakat Melayu. Antaranya ialah, konteks, kesan kognitif dan kos proses. Menurut Srinkandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020) bahawa teori Relevans ataupun TR merupakan salah satu andaian yang dilakukan oleh individu berkaitan konteks dalam ayat yang digunakan sehingga memberi makna yang tertentu.

Tambahan pula, Sperber dan Wilson (1995) menegaskan bahawa teori Relevans ini merupakan satu cubaan untuk menjelaskan prinsip asas komunikasi bahawa interpretasi terhadap sesuatu ujaran yang digunakan oleh pengguna bahasa itu sebenarnya adalah semata-mata fenomena kognitif yang bergantung kepada cara memproses maklumat. Teori Relevans mementingkan kewujudan konteks dalam interpretasi makna dapat menyelesaikan masalah makna yang taksa (Monica Liaw Kah Pei dan Mary Fatimah Subet, 2018). Justeru, dengan keunikan serta makna yang terdapat dalam setiap penciptaan pantun, penulisan ini membongkarkan mengenai pantun adat bersandarkan kepada teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Oleh itu, penulisan ini akan merungkaikan satu persatu makna bagi pantun adat yang hendak dikaji bagi membuktikan bahawa setiap pantun mempunyai makna yang mendalam.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dijalankan kerana masyarakat kini tidak menghayati dan memahami secara mendalam pantun tersebut (Kalam Jiwa, 2017). Oleh sebab itu, terdapat permasalahan yang berlaku melibatkan pantun melalui kontroversi yang disiarkan akhbar dalam talian, iaitu Kosmo yang bertajuk DBP Perjelas Pemaknaan Pantun ‘kontroversi’ pada tahun 2020. Pantun tersebut adalah:

Apa guna berkain batik,
Kalau tidak memakai capal;
Apalah guna beristeri cantik,
Kalau tak pandai menumbuk sambal.

Daripada mata kasar, pantun tersebut seperti ditujukan kepada para isteri sehingga menimbulkan kemarahan orang ramai. Setelah pantun tersebut dimuat naik oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pelbagai kecaman daripada pengguna media sosial telah ditujukan kepada pihak DBP. Masyarakat beranggapan bahawa pantun tersebut telah memandang rendah terhadap golongan wanita sehingga pembaca keliru terhadap makna pantun tersebut. Selain itu, Boon Kim Geok, iaitu penggiat Dondang Sayang mengeluarkan kenyataan dalam penulisan akhbar BebasNews (2019) bahawa generasi muda ini kurang kesabaran terhadap pembelajaran pantun dan menjelaskan bahawa generasi muda terlalu mengikut darah muda sehingga tidak mempunyai keinginan yang tinggi untuk mempelajarinya membuatkan rasa cepat untuk

putus asa. Hal ini disebabkan oleh Dondang Sayang ini merupakan seni yang perlu mempunyai kehalusan yang tersendiri serta mempunyai makna yang tertentu. Kebiasaannya dipersembahkan dengan alunan muzik serta nyanyian tradisional Melayu dengan berbalas pantun.

Kemudian, pantun ini juga kurang diberi pendedahan terhadap golongan muda. Buktinya, Boon Kim Geok (2019) dalam akhbar BebasNews telah menjelaskan bahawa seni Dondang Sayang ini kurang diberi pendedahan kerana kurang mendapat jemputan untuk melakukan persembahan. Disebabkan oleh kurang pendedahan, generasi muda memandang enteng dalam membina pantun yang mengikut peraturan yang ditetapkan. Buktinya, terdapat isu berbangkit di media sosial melalui aplikasi *Youtube* milik Alieff Irfan (2023) telah menunjukkan bahawa penciptaan pantun spontan yang dilakukan oleh kumpulannya tidak mengikut peraturan yang tepat. Justeru itu, masalah yang timbul yang dapat dikenal pasti ialah kurang pendedahan dan juga ketidakpatuhan terhadap pembinaan pantun.

Seterusnya, pengkaji juga mendapati bahawa kurang kajian yang dilakukan oleh pengkaji mengenai pantun adat sangat terhad. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji- pengkaji lepas lebih memfokus kepada kategori pantun lain seperti pantun yang melibatkan tentang wanita, unsur maritim, lambang flora dan sebagainya. Buktinya, kajian yang dijalankan oleh Nur'Ain Nasir, Zuraidah Jantan dan Rozaimah Rashidin (2019) yang berkisarkan Imej Wanita dalam Pantun, Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2022) berkisarkan maritim dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2020) berkisarkan lambang flora. Berdasarkan kajian yang dinyatakan, kajian mengenai pantun adat ini kurang dijalankan kerana kurang pendedahan. Oleh itu, pengkaji memilih untuk melakukan kajian ini disebabkan kurang kajian yang dilakukan mengenai pantun adat. Secara ringkasnya, dengan adanya permasalahan kajian ini, pengkaji ingin membuktikan bahawa masalah ini dapat diselesaikan dengan baik dan diberi pendedahan yang jelas terhadap orang ramai mengenai pantun adat. Justeru, pengkaji juga ingin membuktikan bahawa keunikan akal budi masyarakat Melayu dalam membina pantun adat serta menjelaskan pantun adat dengan lebih terperinci bersandarkan teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986).

TINJAUAN LITERATUR

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017)

Nilai Pendidikan dan Kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam Pantun dan Peribahasa Melayu merupakan kajian yang dihasilkan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah pada tahun 2017. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji elemen yang berkaitan nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam pantun dan peribahasa serta peranan elemen yang terkandung dalam pantun dan peribahasa Melayu yang menunjukkan bangsa Melayu. Pengkaji memilih kajian ini sebagai bahan rujukan kerana nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam pantun dapat dikaitkan dengan akal budi masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap pantun yang dicipta oleh masyarakat seharusnya mempunyai elemen-elemen tertentu untuk menunjukkan maksud yang baik sama ada berunsurkan pengajaran atau nasihat. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini juga ialah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks dan teknik temu bual. Data pantun yang diperoleh juga adalah sama dengan kajian pengkaji, iaitu buku Kurik Kundi Merah Saga (2015). Walaupun sumber data yang diperoleh sama dari segi bahan kajian, tetapi pantun yang dikaji adalah bersifat umum berbanding pengkaji yang menumpukan kepada pantun adat .

Zarina Tajuddin dan Anida Saruddin (2018)

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Zarina Tajuddin dan Anida Saruddin pada tahun 2018 yang bertajuk Metafora Bunga Kiambang dalam Pantun Melayu Berdasarkan teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang. Kajian ini memfokus kepada metafora bunga kiambang yang terdapat dalam pantun Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, metafora bunga yang digunakan dalam pantun Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan serta gaya hidup masyarakat Melayu. Kajian ini juga telah menggunakan analisis teks, analisis bunga kiambang dan juga memaparkan nilai adat serta akal budi Melayu yang terkandung dalam pantun. Tambahan pula, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu pengumpulan data dan penganalisan data. Oleh sebab itu, kajian ini dapat mengetahui makna yang lebih jelas mengenai bunga kiambang yang terdapat dalam pantun Melayu dengan menggunakan teori Relevans (TR) dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Justeru, hal ini dapat membantu serba sedikit pengkaji untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kerana mempunyai kaitan dengan pantun dan juga teori Relevans (TR) serta serba sedikit menyentuh mengenai akal budi sebagaimana yang dinyatakan pada objektif kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini merupakan bahagian yang membantu pengkaji untuk melakukan kajian secara sistematik. Oleh itu, bahagian ini akan menerangkan dan membincangkan reka bentuk kajian, kerangka konseptual, kerangka teoritikal, instrumen kajian, bahan kajian, kaedah pengumpulan data serta kaedah penganalisan data. Dengan ini, metodologi penyelidikan adalah meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi mencapai objektif serta matlamat penyelidikan. Selain itu, kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk kualitatif yang menganalisis teks dengan menggunakan teori Relevans.

Menurut Laura McKinney (2021) menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif digunakan untuk membantu pemahaman secara terperinci terhadap tingkah laku manusia, pengalaman, sikap, niat, dan motivasi. Beliau juga berpendapat bahawa hasil pemerhatian dan pentafsiran tersebut adalah dapat untuk menilai cara pemikiran. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa kajian ini adalah sesuai menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis pantun adat berdasarkan teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986).

DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini telah terbahagi kepada dua, iaitu mengenalpasti kategori pantun adat dan menganalisis setiap kategori pantun adat menggunakan teori Relevans.

KATEGORI PANTUN ADAT

Berdasarkan buku himpunan pantun berjudul Kurik Kundi Merah Saga Edisi Kedua (2015). Antaranya ialah kategori adat perkahwinan, adat ziarah-menziarah dan adat kehidupan. Pengkaji mendapati terdapat satu pantun adat pada setiap kategori yang akan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan teori Relevans oleh Sperber dan Wilsons (1986). Jadual 1 di bawah menunjukkan pantun adat bagi setiap kategori.

Jadual 1: Kategori Pantun Adat

Kategori	Pantun
Adat Perkahwinan	Ada sirih ada pinang, Nantikan gambir dengan kapur; Sudah dipilih untuk dipinang, Hanya menanti ijab kabul.
Adat Ziarah-menziarahi	Kapal berlabuh di Kuala Sepetang, Membawa dagang ke luar negeri;

	Kerana hari telah petang, Mohon izin mengundur diri.
Adat Kehidupan	Anai-anai di tanah rekah, Mari dikais ditimba hari; Masa suka ramai berdekah, Waktu menangis seorang diri.

Jadual 1 menunjukkan kategori pantun adat, iaitu adat perkahwinan, adat ziarah-menziarahi dan adat kehidupan. Kategori pantun adat ini akan dianalisis menggunakan teori Relevans dari Dan Sperber dan Wilsons (1986).

ANALISIS PANTUN ADAT BERDASARKAN TEORI RELEVANS OLEH SPERBER DAN WILSONS (1986).

Berdasarkan Jadual 1, pengkaji memaparkan pantun adat yang dikategorikan sebagai perkahwinan. Pengkaji hanya memilih dua pantun adat daripada kategori ini untuk dianalisis menggunakan teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Oleh itu, konteks bagi pantun adat yang pertama ialah mengenai perkahwinan. Sepertimana yang diketahui, konteks ini merupakan andaian yang boleh memberikan kebaikan dengan menjelaskan maklumat atau ujaran yang telah diberikan oleh penutur (Sperber & Wilson, 1986). Konteks ini juga dapat dilihat dari dua rangkap pantun yang pertama, iaitu rangkap pembayang. Dengan ini, perkataan sirih, pinang, gambir dan kapur. Perkataan sirih, pinang, gambir dan kapur telah menunjukkan elemen-elemen yang ditujukan kepada adat perkahwinan. Buktinya, Norhuda Salleh (2020), menjelaskan bahawa tepak sirih digunakan dalam adat perkahwinan untuk dijadikan sebagai simbol memulakan komunikasi, simbol pertanyaan, simbol penerimaan, simbol penolakan dan simbol penyatuan. Dalam tepak sirih ini juga mempunyai bekas bersaiz kecil dipanggil sebagai cembul yang mengandungi buah pinang, kapur, gambir dan bunga cengkih. Jadi dalam pantun tersebut, penggunaan sirih, pinang, gambir dan kapur pada rangkap pembayang telah memberi gambaran kepada simbol penerimaan.

Di samping itu, kesan konteks ini dikukuhkan lagi dengan perkataan dipinang dan ijab kabul dalam rangkap makna. Menurut Sperber dan Wilsons (1986) kesan konteks ini adalah perlu kerana merupakan andaian awal bagi mendapatkan sesuatu maklumat. Oleh sebab itu, rangkap makna dalam pantun tersebut telah diinterpretasi daripada perkataan pembayang, iaitu sirih, pinang, gambir dan kapur. Perkataan dipinang dan ijab kabul menunjukkan andaian bahawa seorang gadis telah pun diikat oleh lelaki melalui pertunangan dan kemudian menunggu ikatan yang sah bersama pasangannya. Hal ini dikukuhkan lagi daripada kenyataan Afiza Kamarulzaman (2020), yang menyatakan bahawa majlis meminang ini dianggap sebagai menempah menantu. Jika kedua-dua

belah pihak bersetuju, hal ini bermakna janji sudah pun terjadi dan lelaki lain tidak boleh mengambil tunangan orang sehingga majlis akad nikah diadakan. Afiza Kamarulzaman (2020) juga menjelaskan bahawa majlis meminang adalah salah satu tradisi masyarakat Melayu yang diamalkan sejak dahulu lagi. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi apabila penggunaan tepak sirih ini digunakan dalam upacara seperti meminang, bertunang dan perkahwinan sebagai simbol pelengkap majlis tersebut (Masril Mat Rosdi, 2018). Masril Mat Rosdi (2018) juga menjelaskan bahawa penggunaan bahan seperti sirih, kapur, pinang dan gambir dalam tepak sirih mempunyai maksud yang tersendiri. Misalnya, seperti sirih memberi makna mengenai sikap rendah diri dan hormat-menghormati. Hal ini telah disamakan dengan pepohon sirih yang tumbuh menjalar dan membesar tanpa merosakkan tumbuhan lain. Tambahan pula, sirih ini juga memberi kebaikan kepada tubuh badan manusia terutamanya wanita (Siti Nur Atiqah Manan, 2022). Bagi kapur pula, telah memberi makna hati yang suci, bersih dan tulus, namun akan berubah apabila ia berlakunya provokasi (Masril Mat Rosdi, 2018). Elemen pinang pula, menggambarkan sikap yang baik dan tinggi darjatnya seperti sifat yang terdapat pada pokok pinang yang tinggi, lurus, lebat dan mempunyai buah yang putih (Masril Mat Rosdi, 2018). Penggunaan gambir juga telah memberi makna berkaitan dengan sikap, iaitu ketabahan hati apabila berlakunya dugaan dalam kehidupan rumah tangga kelak (Masril Mat Rosdi, 2018).

Justeru itu, kos proses pantun adat ini adalah rendah kerana mudah untuk difahami dan digambarkan pada rangkap pembayang seperti perkataan sirih, pinang, gambir dan kapur. Perkataan-perkataan tersebut merupakan elemen-elemen yang perlu ada bagi majlis meminang, bertunang dan perkahwinan (Masril Mat Rosdi, 2018). Jelaslah bahawa, tanpa tepak sirih serta elemen-elemen yang lengkap itu akan menjadikan majlis tersebut tidak sempurna dan dikategorikan sebagai tidak beradat (Masril Mat Rosdi, 2018). Oleh itu, hal ini sejajar dengan pendapat Sperber dan Wilsons (1986) yang menyatakan bahawa kos proses ini merupakan usaha untuk menjelaskan sesuatu ujaran yang digunakan sama ada mudah untuk difahami atau tidak. Kos proses bagi pantun ini dianggap relevan kerana mudah untuk difahami (Sperber & Wilsons, 1986).

Selain itu, pantun adat ziarah-menziarahi juga menunjukkan konteks bagi rangkap pembayang, iaitu Kuala Sepetang dan dagang. Konteks yang digunakan dalam pantun ini juga adalah bersesuaian dengan pendapat Sperber dan Wilsons (1986), iaitu memberikan andaian yang berunsurkan kebaikan serta mengandungi penjelasan yang diberikan oleh penutur. Menurut Mstar (2020), menjelaskan bahawa Kuala Sepetang merupakan salah satu tempat tarikan pelancong bagi negeri Perak. Kuala Sepetang ini dianggap sebagai kampung nelayan dan menjadikan pelancong dapat menikmati pemandangan sekeliling di hutan paya bakau. Selain itu, bagi perkataan dagang dalam pantun tersebut

dikenali sebagai pedagang. Kebiasaannya pedagang-pedagang yang menaiki kapal bertujuan untuk singgah di kawasan yang memberi keuntungan. Buktinya, menurut Freddie Aziz Jasbindar (2019), menyatakan bahawa Kuala Sepetang menjadi tumpuan pedagang Barat kerana tanah Semenanjung Malaysia mempunyai keuntungan seperti bijih timah. Oleh itu, bagi rangkap pembayang ini telah menyamakan dengan tetamu yang berkunjung ke rumah orang dengan mempunyai tujuan tertentu. Kesan konteks bagi pantun ini juga boleh diperkukuhkan lagi pada rangkap makna. Perkataan pada rangkap makna adalah melalui kod petang dan mengundur diri. Melalui perkataan itu, situasinya adalah seolah-olah menunjukkan bahawa tetamu yang berkunjung ke rumah orang ingin pulang kerana hari sudah lewat petang. Melalui situasi ini juga, tuan rumah tidak menggesa tetamu untuk pulang tetapi tetamu itu sendiri perlu menyedari bahawa sudah tiba masanya untuk pulang. Dengan ini, pantun tersebut menunjukkan bahawa tetamu tersebut mengambil masa yang lama ketika berkunjung ke rumah orang. Hal ini telah menunjukkan kesan konteks yang tidak elok sepertimana sabda Nabi S.A.W. dalam hadis, tidak boleh bagi tetamu itu duduk lama sehingga tuan rumah boleh mengeluarkannya.

Kemudian, bagi kos proses untuk mengetahui makna yang sebenar adalah tinggi. Kos proses dalam pantun tersebut juga telah memberikan usaha untuk menjelaskan sesuatu ujaran (Sperber & Wilsons, 1986). Oleh sebab itu, penggunaan perkataan pada rangkap pembayang, iaitu Kuala Sepetang dan dagang tidak dapat dilihat dengan jelas untuk disamakan dengan tetamu. Hal ini dikatakan demikian kerana, Kuala Sepetang ini tidak diketahui umum bahawa itu adalah tempat sejarah yang digunakan untuk pedagang pada zaman dahulu. Buktinya, Freddie Aziz Jasbindar (2019) menjelaskan bahawa masyarakat tidak mengetahui bahawa Kuala Sepetang ini pernah dijadikan sebagai tempat pelabuhan pada zaman Negeri Ibrahim. Kuala Sepetang atau dikenali sebagai Port Weld ini terletak di Taiping, Perak telah menjadi salah satu tarikan biji timah dan merupakan pelabuhan yang sangat penting pada zaman tersebut (Freddie Aziz Jasbindar, 2019). Namun, Kuala Sepetang pada masa ini, telah dijadikan sebagai salah satu tempat tarikan pelancong (Harul Wayne, 2022). Hal ini disebabkan oleh Kuala Sepetang ini mempunyai tarikan perkampungan dan juga dapat merasai pengalaman yang luar biasa ketika meronda hutan paya bakau (Mstar, 2020). Jelaslah bahawa Kuala Sepetang ini pada masa dulu lagi mempunyai daya tarikan yang tidak diketahui ramai.

Seterusnya, konteks bagi pantun adat kehidupan ini juga dilihat daripada rangkap pembayang yang menggunakan anai-anai sebagai pembayang. Rangkap pembayang telah dianggap sebagai konteks kerana sejajar dengan pendapat Sperber dan Wilsons (1986), iaitu andaian yang memberikan kebaikan serta penjelasan mengenai sesuatu ujaran. Perkataan anai-anai dalam pantun tersebut merupakan kelompok binatang yang kecil dan binatang sifat bekerjasama antara satu sama lain terutamanya melakukan pembinaan sarangnya (Saiful Bahari,

2020) . Tambahan pula, menurut Fairul Asmaini Mohd Pilus (2021), menjelaskan bahawa anai-anai ini juga merupakan serangga perosak terutamanya penggunaan kayu pada perabot dan rumah. Warna kayu akan menjadi berubah setelah diserang anai-anai. Misalnya, warna asal kayu tersebut adalah coklat gelap kemudian akan berubah kepada coklat cair. Kesan konteks ini juga diperkukuhkan lagi oleh rangkap makna, iaitu masa suka ramai berdekah, waktu menangis seorang diri. Hal ini menunjukkan bahawa pantun adat ini juga mempunyai kiasan kerana ingin menyedarkan manusia bahawa jangan berharap dan memberi kepercayaan yang penuh kepada manusia. Buktinya, Surah Al-Insyirah ayat 8 telah menyebut bahawa ‘Dan hanya kepada Tuhanmu lah engkau berharap’. Dalam surah ini telah menerangkan bahawa manusia tidak boleh terlalu berharap sesama manusia tetapi berharaplah kepada sang pencipta, iaitu Allah S.W.T. Hal ini telah memberi makna bahawa ketika senang sudah tentu ramai yang bersama, malah ketika susah tiada yang membantu. Namun, Faridah Kamaruddin (2021) menjelaskan bahawa manusia ini merupakan makhluk sosial, iaitu tidak boleh hidup seorang diri dan perlu mempunyai peneman yang dipanggil sebagai sahabat. Dalam Islam telah menjelaskan bahawa sahabat yang baik adalah sahabat yang memperingatkan tentang dunia dan akhirat bukannya dunia semata-mata (Faridah Kamaruddin, 2021).

Justeru, kos memproses dalam pantun ini dapat dilihat dari rangkap pembayang yang menggunakan anai-anai sebagai pembayang adalah tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana sukar untuk ditafsirkan bahawa anai-anai ini diibaratkan seperti kehidupan manusia. Anai-anai yang dianggap berkualiti akan meningkatkan kesuburan tanah (Saiful Bahari, 2020). Malahan, anai-anai yang dianggap perosak akan memberi kesan yang buruk kepada pertanian dan alam sekitar seperti memakan kayu, akar-akar tumbuhan dan sebagainya. (Abdullah Al-Hasyimi, 2020). Dengan ini, kos memproses yang telah digunakan oleh pengkaji adalah sejajar dengan pendapat Sperber dan Wilsons (1986), iaitu kos memproses adalah sebagai penjelasan yang telah diberikan kepada pendengar untuk memahami sesuatu maklumat. Oleh itu, dalam pantun tersebut dapat dilihat bahawa anai-anai ini dapat memberikan kebaikan dan keburukan. Begitu juga dengan kehidupan manusia yang mempunyai sahabat yang mendatangkan kebaikan atau sebaliknya. Faridah Kamaruddin (2021) berpendapat bahawa sahabat yang baik akan memberikan kebaikan kepada kita sama ada di dunia dan akhirat. Malahan, sahabat yang mempunyai sikap yang buruk seperti pengkhianat, iri hati, berbohong dan sebagainya perlu dijauhkan kerana tidak memberi apa-apa kebaikan kepada kehidupan (Nor Azihan Md Ghazali, 2019).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji dapat simpulkan bahawa dalam setiap rangkap pantun ini mempunyai makna yang tersendiri. Kajian ini telah menganalisis pantun adat mengikut kategori. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga menggunakan teori Relevans daripada Dan Sperber serta Deidre Wilson (1986) sebagai panduan bagi pengkaji untuk menghuraikan dan menjelaskan makna data yang telah dikumpulkan daripada pantun adat tersebut. Selain itu, diharapkan hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembelajaran dan penyelidikan bahasa khususnya dalam bidang pragmatik. Oleh itu, harapan pengkaji semoga kajian ini dapat membuka mata semua pihak betapa pentingnya memelihara, seterusnya mengekalkan khazanah warisan nenek moyang kita, tanpa mengira dari mana mereka datang dan asal usul bangsa dan keturunan mereka. Akhir sekali, adalah diharapkan kajian ini mampu menerbitkan kesedaran kepada semua bahawa pentingnya memelihara keutuhan sastera lama dalam bahasa Melayu agar tidak pupus.

RUJUKAN

- Abdullah Al-Hasyimi. (2020,). *Anai-Anai Kongkiak*. The Patriots.
<https://www.thepatriots.asia/anai-anai-kongkiak>
- Afiza, K. (2020). *Adat Merisik/Meminang Sangat Dituntut Sebelum Dua Hati Disatukan – Umpamanya Nak “Reserve”, Saling Kena*. Gempak.com.
<https://gempak.com/intrend/adat-merisikmeminang-sangat-dituntut-sebelum-dua-hati-disatukan-umpamanya-nak-reserve-saling-kenal-43346>
- Alieff Irfan. (2023). *Challenge terakhir AI team B sebelum pemilihan team !!! Balas Pantun cinta...* YouTube. <https://youtu.be/-0cumR7rWVk>
- BebasNews. (2019). *Sukar Cari Pelapis Dondang Sayang*. BebasNews.
<https://bebasnews.my/2019/07/02/sukar-cari-pelapis-dondang-sayang/>
- Fairul Asmaini, M. P. (2021). *Kesan Kehadiran Anai-Anai*. Harian Metro.
<https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2021/02/678655/kesan-kehadiran-anai-anai>
- Faridah, K. (2021). *Siapakah Sahabat Kita sampai Mati Dan Ke Syurga Allah?*. HarakahDaily.
<https://harakahdaily.net/index.php/2021/06/10/siapakah-sahabat-kita-sampai-mati-dan-ke-syurga-allah/>
- Freddie Aziz, J. (2019). *Lokasi Sebenar Pelabuhan Kuala Sepetang Yang Hilang*. Orang Perak.
<https://www.orangperak.com/lokasi-sebenar-pelabuhan-kuala-sepetang-yang-hilang.html>
- Ilham, B. (2022). *Pantun Melayu Sudah Lama berkelana di rusia*. Dewan Sastera. <https://dewansastera.jendeladb.my/2022/01/01/2675/>
- Iqbal Hidayat, H. (2021). *Menelusuri Keindahan Seni Pantun*. Tunas Cipta.
<https://tunascipta.jendeladb.my/2021/09/26/1538/>
- Kalam Jiwa. (2017). *Pantun Melayu Secara Umum*. NYALA.
<http://nyala.ungguncreative.com/pantun-melayu-secara-umum/>
- Kumpulan Pantun Lisan Melayu. (2015). *Kurik Kundi Merah Saga*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Masril Mat, R. (2018). *Ini fungsi Sirih Pinang Dalam Adat melayu yang Anda Tak Tahu*. VITDAILY.
<https://www.vitdaily.com/ini-fungsi-sirih-pinang-dalam-adat-melayu-yang-anda-tak-tahu/>
- Masriyah, M. (2022). *Seni penulisan pantun*. Tunas Cipta.
<https://tunascipta.jendeladb.my/2022/11/17/3561/>
- Mary Fatimah, S. (2018). *Analisis Teori Relevans Dalam Metafora*. Jurnal Bahasa Jilid 18 Bil. 1.
<https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/3444/4245>
- Maulana Al-Fin Che Man, et.al. (2022). *Latar Geografi Maritim Dan Akal Budi*

- Melayu Dalam Pantun. *UKM Journal Article Repository*, 10 (2), 33-46
- Mohammad Khairulanwar, B. A. G. (2020). *Analisis Semiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora Dalam Pantun melayu*. eprints.usm. <http://eprints.usm.my/53160/1/Analisis%20Semiotik%20Terhadap%20Konsepsi%20Lambang%20Flora%20Dalam%20Pantun%20Melayu.pdf>
- Mstar. (2020). Kaitkan Kuala Sepetang dengan kota popular di Itali Buat Ramai Tak Puas. Mstar urban versatil. <https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2020/12/09/kaitkan-kuala-sepetang-dengan-kota-popular-di-itali-buat-ramai-tak-puas-hati-siap-troll-lagi--orang-perak-pun-tak-pernah-cakap-ni-venice-over-la-alahai>
- Nur'Ain Nasir, et. al. (2019). *Imej Wanita Dalam Pantun melayu*. Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan. <https://ir.unimas.my/id/eprint/38859/>
- Norazimah Zakaria, et.al. (2017). *Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun*. Jurnal Sultan Alauddin Suaiman Shah Vol 4 Bil 2. <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/105/88>
- Norhuda , S. (2020). *Tepak Sirih: Interpretation And Perception In Malay Wedding Customs*. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 27. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25654/12036>
- Nor Azihan Md, G. (2019). *Ciri-Ciri Kawan Yang Anda Perlu Jauhi*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/29193/femina/ciri-ciri-kawan-yang-anda-perlu-jauhi>
- Saiful Bahari. (2020). *Anai-Anai Sebagai Jurutera Ekosistem*. Majalah Sains. <https://www.majalahsains.com/anai-anai-sebagai-jurutera-ekosistem/>
- Siti Nur Atiqah M. (2022). *Ketahui Makna disebalik adat Sirih Pinang Dalam Kalangan masyarakat Melayu*. I Love Borneo. <https://www.iloveborneo.my/ketahui-makna-disebalik-adat-sirih-pinang-dalam-kalangan-masyarakat-melayu/>
- Srikandi Saemah, S., & Mary Fatimah, S. (2020). *Teori Relevans Dalam Pembelajaran Komsas*. Borneo International Journal eISSN 2636-9826. <https://majmuah.com/journal/index.php/bij/article/view/48>
- Widi Wahyuning, T. (2020). *Sejarah dan Asal-usul Pantun, Ditetapkan Jadi Warisan Budaya Tak Benda Oleh UNESCO*. Tribunbatam. <https://batam.tribunnews.com/2020/12/21/sejarah-dan-asal-usul-pantun-ditetapkan-jadi-warisan-budaya-tak-benda-oleh-unesco?page=all>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Nilai Pendidikan dan Kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam Pantun dan Peribahasa Melayu. *UKM Journal Article Repository*, 5 (2), 73-85
- Zarina, T., & Anida , S. (2018). *Metafora Bunga Kiambang Dalam Pantun Melayu Berdasarkan Teori Relevans Dan Rangka Rujuk Silang*. International Journal of Education, Psychology and Counseling. <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPc-2018-16-09-01.pdf>

